A

Eva Tippold lwn Prakashn BK Ragavan

B

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — GUAMAN NO WA-22NCVC-352–05 TAHUN 2019
LATIFAH TAHAR PK
29 NOVEMBER 2019

C

Prosedur Sivil — Pembatalan — Writ dan pernyataan tuntutan — Plaintif memfailkan tindakan ke atas defendan — Permohonan defendan di bawah A 18 k 19 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 ditolak — Sama ada defendan berhutang dengan plaintif — Sama ada kausa tindakan melebihi had masa enam tahun — Sama ada res judicata terpakai — Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 A 18 k 19

D

Perayu ('defendan') tidak berpuashati dengan keputusan mahkamah menolak permohonan dibawah A 18 k 19 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 ('KKM 2012') untuk membatalkan/meminda pliding dan merayu kepada mahkamah ini terhadap keseluruhan keputusan tersebut. Tuntutan plaintif terhadap defendan adalah untuk pengembalian balik wang sebanyak EUR789,714 atau secara alternatif untuk satu perintah jualan hartanah ('hartanah tersebut'). Hartanah tersebut didaftarkan diatas nama defendan tetapi pada masa material defendan mengakui sumbangan plaintif dan hak kepentingan benefisial plaintif didalamnya. Plaintif secara berperingkat telah memberi wang pendahuluan kepada defendan jumlah sebanyak EUR889,714 ('jumlah tersebut'). Pada bulan Mei 2011 perhubungan plaintif dan defendan telah berakhir. Melalui surat bertarikh 19 Ogos 2011 defendan telah mengesahkan pembiayaan yang telah dibuat oleh plaintif untuk jumlah tersebut. Di dalam surat tersebut, defendan telah memberikan jaminan lanjutan bahawa beliau akan mengembalikan jumlah tersebut kepada plaintif. Pada atau sekitar Julai 2012, defendan telah membayar EUR100,000 kepada plaintif dan meninggalkan tunggakan baki sebanyak EUR789,714. Plaintif telah meminta defendan untuk pengembalian pembayaran balik jumlah tersebut tetapi tidak berhasil dan sehingga kini tidak terdapat sebarang initiatif oleh defendan untuk menyempurnakan jualan hartanah tersebut. Mahkamah Tinggi pada 26 Januari 2019 membenarkan tuntutan plaintif untuk jumlah tuntutan dan mengarahkan defendan untuk membuat bayaran kepada plaintif. Pada 7 Mei 2019 Mahkamah Rayuan telah membenarkan rayuan defendan dan mengenepikan perintah tersebut dan memerintahkan kes dikembalikan ke Mahkamah Tinggi untuk perbicaraan penuh. Writ dan penyataan tuntutan telah difailkan oleh plaintif pada 17 Jun 2019. Permohonan defendan untuk membatalkan/meminda pliding ditolak dan oleh itu rayuan ini. Isu-isu untuk pertimbangan adalah: (a) sama ada defendan berhutang dengan plaintif

E

F

G

H

I

sebanyak EUR789,714; (b) sama ada kausa tindakan melebihi had masa enam tahun; dan (c) sama ada res judicata terpakai.

Diputuskan, menolak permohonan:

(1) Apa yang jelas memang defendan mengakui akan keberhutangan. Walaupun notis tuntutan oleh plaintif telah dikeluarkan tetapi defendan gagal membuat bayaran tersebut. Dengan terdapatnya isu yang dipertikaikan diantara kedua pihak, oleh itu kes ini bukanlah satu kes yang jelas dan nyata untuk dibatalkan dibawah A 18 k 19 KKM 2012. Mengambilkira terdapatnya pertikaian fakta secara afidavit diantara plaintif dan defendan, adalah tidak wajar untuk menolak keterangan sebelah pihak tanpa perbicaraan penuh disebabkan mahkamah tidak dapat menentukan pertikaian tersebut tanpa memeriksa balas saksi (lihat perenggan 19–20 & 22).

(2) Tarikh 19 Ogos 2011 tidak boleh dijadikan tarikh kausa tindakan disebabkan surat tersebut adalah surat mengakui akan keberhutangan defendan. Jikapun mahkamah mengambil kira tarikh notis tuntutan iaitu pada 28 Oktober 2015 atau tarikh surat terakhir plaintif menuntut daripada defendan iaitu pada 4 November 2015 ini masih lagi dalam lingkungan kausa tindakan enam tahun (lihat perenggan 31).

(3) Tiada arahan oleh Mahkamah Rayuan menghalang plaintif dari membawa tindakan yang sama kecuali kes hendaklah didengar secara bicara penuh. Perintah Mahkamah Rayuan tersebut hendaklah dipatuhi dan adalah terikat oleh semua pihak. Defendan adalah dihalang menimbulkan perkara diatas memandangkan Mahkamah Rayuan telah mengenepikan keputusan Mahkamah Tinggi. Tindakan defendan untuk merayu untuk kali kedua ke Mahkamah Rayuan adalah secara tidak langsung akan melengahkan perbicaraan penuh dijalankan bagi kes ini (lihat perenggan 37 & 39–40).

[English summary

The appellant ('defendant') was dissatisfied with the decision of the court in dismissing the application under O 18 r 19 of the Rules of Court 2012 ('the ROC 2012') to strike out/amend the pleadings and appealed to this court against the whole decision. The plaintiff's claim against the defendant was for a refund of EUR789,714 or alternatively for a sale order of a property ('the property'). The property was registered under the defendant's name but at all times material the defendant acknowledged the plaintiff's contribution and the plaintiff's beneficiary rights therein. The plaintiff had gradually given the defendant an advance sum of EUR889,714 ('the amount'). In May 2011 the plaintiff and defendant's relationship ended. In a letter dated 19 August 2011 the defendant affirmed the financing made by the plaintiff for the amount. In the letter, the defendant provided further assurance that the amount would be

returned to the plaintiff. On or around July 2012, the defendant paid EUR100,000 to the plaintiff and left an outstanding balance of EUR789,714. The plaintiff had asked the defendant for a refund of the amount but was unsuccessful and to date there had been no initiative by the defendant to complete the sale of the property. The High Court on 26 January 2019 allowed the plaintiff's claim for the total amount and directed the defendant to make payment to the plaintiff. On 7 May 2019 the Court of Appeal allowed the defendant's appeal and dismissed the order and ordered the case remitted to the High Court for full trial. The writ and statement of claim were filed by the plaintiff on 17 June 2019. The defendant's application to strike out/amend the pleadings was dismissed and hence this appeal. The issues for consideration were: (a) whether the defendant owed the plaintiff a sum of EUR789,714; (b) whether the cause of action exceeded the limitation period of six years; and (c) whether res judicata applied.

Held, dismissing the application:

(1) What was clear was that the defendant acknowledged the indebtedness. Although a notice of demand by the plaintiff was issued, the defendant failed to make the payment. With the issue being disputed between the two parties, it was not a clear and obvious case to be dismissed under O 18 r 19 of the ROC 2012. In view of the fact that there was a factual dispute in the affidavit between the plaintiff and the defendant, it would be unreasonable to reject the evidence of one party without a full trial because the court could not resolve the dispute without cross examining the witnesses (see paras 19–20 & 22).

(2) The date of 19 August 2011 could not be the date of the cause of action because the letter was a letter of acknowledgment of the defendant's indebtedness. If the court nevertheless considered the date of the notice of claim dated 28 October 2015 or the date the plaintiff's last letter of demand from the defendant dated 4 November 2015, it was still within six years of cause of action (see para 31).

(3) No order by the Court of Appeal prevented the plaintiff from taking the same action except that the case must be heard in full. The order of the Court of Appeal shall be complied with and shall be binding on all parties. The defendant was barred from raising the issue of res judicata as the Court of Appeal had set aside the decision of the High Court. The defendant's action for a second appeal to the Court of Appeal would indirectly delay the full trial of this case (see paras 37 & 39–40).]

Kes-kes yang dirujuk

Bandar Builders Sdn Bhd & Ors v United Malayan Banking Corporation Bhd [1993] 3 MLJ 36, MA (dirujuk)

A *Nik Che Kok @ Nik Soo Kok v Public Bank Bhd* [2001] 2 MLJ 328, MR (diikuti)
Scott & English (M) Sdn Bhd v Yung Chen Wood Industries Sdn Bhd [2018] 5 MLJ 204, MP (dirujuk)

B **Undang-undang yang dirujuk**

Akta Had Masa 1953 s 6
Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 A 18 k 19

(Mohd Zain & Co) bagi pihak plaintif.
C *(R Sivagnanam & Assoc) bagi pihak responden.*

Latifah Tahar PK:

D **[1]** Perayu dalam kes ini tidak berpuashati dengan keputusan mahkamah menolak permohonan dibawah A 18 k 19 KKM 2012 untuk membatalkan/meminda pliding yang diberikan pada 3 Oktober 2019 dan merayu kepada Mahkamah Rayuan terhadap keseluruhan keputusan tersebut yang ditolak dengan kos sebanyak RM3,000 tertakluk kepada fi alokatur.

E **[2]** Bagi memudahkan pihak-pihak akan dirujuk sebagaimana di Mahkamah Tinggi.

Kertas kausa yang berkaitan untuk lampiran 38 adalah seperti berikut:

F (a) penyataan tuntutan bertarikh 17 Jun 2019;

(b) penyataan pembelaan dan tuntutan balas pembelaan 1 Julai 2019;

(c) jawapan dan pembelaan kepada tuntutan balas bertarikh 8 Julai 2019;

G (d) affidavit sokongan kepada lampiran 38 yang di ikrarkan oleh defendan bertarikh 11 Julai 2019;

(e) affidavit balasan plaintif yang diikrarkan oleh Lim Choon Moi pada 9 Ogos 2019; dan

H (f) afidavit balasan defendan bertarikh 20 Ogos 2019

[3] Alasan-alasan permohonan defendan di lampiran 38 adalah seperti berikut:

I (a) guaman plaintif untuk pengembalian wang berjumlah EUR789,714 dalam pernyataan tuntutan plaintif bertarikh 17 Jun 2019 dibawa kepada mahkamah yang mulia ini selepas tamat tempoh enam tahun daripada tarikh kausa tindakan terakru pada tahun 2011 (s 6 Akta Had Masa 1953);

(b) pernyataan tuntutan plaintif bertarikh 17 Jun 2019 sudah diberikan pertimbangan kehakiman (judicially considered) oleh hakim Mahkamah Tinggi dalam kes Saman Pemula No WA24 NCVC-678–04 Tahun 2017 dan tidak membenarkan tuntutan-tuntutan lanjutan plaintif sepertimana dalam perintah mahkamah bertarikh 26 Januari 2018 dan plaintif adalah dihalang atas dasar res judicata daripada menuntut tuntutan lanjut dalam guaman ini;

(c) tiada rayuan difailkan oleh plaintif terhadap keputusan tersebut bertarikh 26 Januari 2018 dan mahkamah ini adalah functus officio untuk membuat keputusan yang sama; dan

(d) tindakan plaintif adalah berskandal, remeh, dan menyusahkan dan antara lain adalah satu penyalahgunaan proses mahkamah.

TUNTUTAN PLAINTIF

[4] Tuntutan plaintif terhadap defendan adalah untuk pengembalian balik wang sebanyak EUR789,714 atau secara alternatif untuk satu perintah jualan hartanah yang terletak di No 7 Jalan Setiakasih 7, Bukit Damansara, Kuala Lumpur yang dipegang dibawah Hakmilik GRN 24436, Mukim Kuala Lumpur ('hartanah tersebut').

[5] Hartanah tersebut didaftarkan diatas nama defendan tetapi pada masa material defendan mengakui sumbangan plaintif dan hak kepentingan benefisial plaintif didalamnya.

[6] Sejak tempoh 2004 hingga 2011 plaintif telah membuat sumbangan kewangan untuk membeli dan menyenggara hartanah tersebut dan hartanah-hartanah yang lain. plaintif secara berperingkat telah memberi wang pendahuluan kepada defendan jumlah sebanyak EUR889,714 ('jumlah tersebut') dibuat secara pemindahan pembankan dari akaun plaintif di Austria dan Dubai ke akaun bank defendan. Jumlah tersebut digunakan oleh defendan untuk memperolehi hartanah dan/atau untuk mengurangkan tunggakan pinjaman ke atas hartanah. Semua pemindahan telah didokumentasikan.

[7] Pada bulan Mei 2011 perhubungan plaintif dan defendan telah berakhir. Melalui surat bertarikh 19 Ogos 2011, defendan telah mengesahkan pembiayaan yang telah dibuat oleh plaintif untuk jumlah tersebut. Di dalam surat tersebut, defendan telah memberikan jaminan lanjutan bahawa beliau akan mengembalikan jumlah tersebut kepada plaintif (rujuk kepada eksh LCM3 affidavit sokongan Lim Choon Moi bertarikh 27 April 2017).

[8] Pada atau sekitar Julai 2012, defendan telah membayar EUR100,000 kepada plaintif dan meninggalkan tunggakan baki sebanyak EUR789,714.

plaintif telah meminta defendan untuk pengembalian pembayaran balik jumlah tersebut tetapi tidak berhasil dan sehingga kini tidak terdapat sebarang initiatif oleh defendan untuk menyempurnakan jualan hartanah tersebut mengikut surat bertarikh 19 Ogos 2011.

[9] Plaintif telah mengalami kerugian kewangan berikutan keengganan defendan memulangkan jumlah tersebut atau menyempurnakan penjualan hartanah tersebut.

PEMBELAAN DEFENDAN

[10] Defendan mengatakan bahawa hartanah tersebut didaftarkan atas nama beliau sebagai pemilik tunggal pada 15 September 2004. Rumah tersebut dibeli atas dasar pendapatan tetap defendan dan penjualan rumah terdahulu dan ianya berdekatan dengan rumah ibubapa defendan.

[11] Defendan ingin menjual hartanah tersebut pada tahun 2006 disebabkan beliau telah berhenti kerja dan tidak berkebolehan untuk membayar rumah tersebut. Pada masa itu defendan mengatakan bahawa beliau mempunyai peluang untuk menjual hartanah tersebut untuk jumlah RM8.5 juta dan setelah menolak kos pinjaman tertunggak akan mempunyai baki RM5.4 juta untuk mendapatkan satu rumah yang bersesuaian dengan pendapatan baru defendan.

[12] Defendan telah memberitahu plaintif akan perkara ini dan plaintif mengatakan jika defendan menjual rumah tersebut plaintif tidak akan balik ke Malaysia dan mendesak defendan terus menyimpan rumah tersebut dan plaintif berkebolehan untuk memberi bantuan kewangan.

[13] Defendan menyatakan bahawa apa-apa pembayaran yang dibuat oleh plaintif kepada defendan dibuat secara sukarela dan secara percuma (gratuitously) untuk pihak-pihak terus kekal tinggal dirumah tersebut.

DAPATAN MAHKAMAH

Isu pertama dalam kes ini sama ada defendan berhutang dengan plaintif sebanyak EUR789,714

[14] Penyataan tuntutan plaintif menyatakan bahawa plaintif telah mendahulukan kepada defendan jumlah sebanyak EUR900,000

('Jumlah keseluruhan pinjaman') untuk tujuan pelaburan hartanah dan juga untuk tujuan pengurangan pinjaman terhadap hartanah-hartanah.

[15] Defendan jika diperhatikan dari keterangan dokumen mengakui akan pendahuluan yang diberikan. Ini jelas dari surat bertarikh 19 Ogos 2011.

(Ekshibit LCM4) apabila perhubungan keduanya berakhir, defendan mengakui berhutang kepada plaintif jumlah sebanyak EUR900,000. Surat tersebut berbunyi seperti berikut:

> I, Prakash BK Ragavan, born 21st August 1966, Malaysian ID No 660821035731 herewith confirm that I have borrowed sums of money from Ms Eva Tippold between 2004 until 2011 totalling approximately EURO 900,000.00
>
> The money transferred was used to reduce the outstanding loan on my property situated on No. 7, Jalan Setiakasih 7, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur, Malaysia.
>
> The total amount will be paid back to Ms. Tippold following the sale of either one or both of my properties, latest by a date to be mutually agreed.
>
> The outstanding amount does not attract interest and no interest will have to be paid until maturity ...

[16] Mengikut dokumen yang dibekalkan, pada tahun 2012 defendan telah menjual satu daripada hartanah dan membuat dua pembayaran berjumlah EUR100,000 kepada plaintif dan sebahagian untuk mengurangkan jumlah keseluruhan pinjaman tersebut kepada EUR789,714.

[17] Saya juga ingin merujuk kepada penyata — penyata akaun (eksh LCM3) dimana pendahuluan-pendahuluan telah dibuat melalui pemindahan perbankan daripada akaun-akaun plaintif yang dipegang di Australia dan Dubai ke akaun defendan.

[18] Terdapat tiga penyata akaun yang disahkan oleh defendan dimana dua bertarikh 24 Oktober 2010 dan satu pada 31 Ogos 2009. Saya mengemukakan salah satu dari penyata yang disahkan dan ditandatangani oleh defendan saperti dibawah (rujukan dibuat kepada eksh LCM3):

> This is to confirm that as at 24.10.2010, I Prakash BK Ragavan (IC No 660821 03 5731), OWE Ms Eva Tippold (Passport No LO253954) both the amounts indicated above.
>
> (Jumlah yang disebut dalam Penyata tersebut berjumlah EUR811,9309.00).

[19] Dari keterangan dokumentasi, saya dapati bahawa defendan telah membuat bayaran sebanyak EUR100,000 kepada plaintif (eksh PR2 afidavit defendan bertarikh 19 Jun 2017 dirujuk) Apa yang jelas memang defendan mengakui akan keberhutangan. Walaupun notis tuntutan oleh peguamcara plaintif telah dikeluarkan pada 28 Oktober 2015 (eksh LCM5) tetapi defendan gagal membuat bayaran tersebut.

[20] Saya berpendapat bahawa terdapatnya isu yang dipertikaikan diantara kedua pihak berdasarkan alasan-alasan diatas, oleh itu kes ini bukanlah satu kes yang jelas dan nyata untuk dibatalkan dibawah A 18 k 19 KKM 2012.

[21] Saya merujuk kepada kes *Bandar Builders Sdn Bhd & Ors v United Malayan Banking Corporation Bhd* [1993] 3 MLJ 36:

> (1) The principles upon which the court acts in exercising its power under any of the four limbs of O 18 r 19(1) Rules of High Court are well settled. It is only in plain and obvious cases that recourse should be had to the summary process under this rule, and this summary procedure can only be adopted when it can be clearly seen that a claim or answer is on the face of it obviously unsustainable. It cannot be exercised by a minute examination of the documents and facts of the case, in order to see whether the party has a cause of action or a defence.

[22] Prinsip untuk pembatalan kes kalau ianya 'obviously unsustainable'. Dalam kes ini mengambil kira terdapatnya pertikaian fakta secara affidavit diantara plaintif dan defendan, adalah tidak wajar untuk menolak keterangan sebelah pihak tanpa perbicaraan penuh disebabkan mahkamah tidak dapat menentukan pertikaian tersebut tanpa memeriksa balas saksi.

Isu kedua bahawa kausa tindakan melebihi had masa enam tahun (s 6 Akta Had Masa 1953)

[23] Defendan mengatakan bahawa writ dan penyataan tuntutan telah difailkan pada 17 Jun 2019 iaitu lapan tahun dari surat bertarikh 19 Ogos 2011 dimana kausa tindakan bermula.

[24] Saya ingin menarik perhatian berkenaan latar belakang kes ini. Pada 26 Januari 2018 Mahkamah Tinggi dalam Saman Pemula No WA-24NCVC-678–04 Tahun 2017 telah membuat keputusan bahawa surat bertarikh 19 Ogos 2011 yang ditandatangani oleh defendan adalah sah dan terikat. defendan hendaklah membayar wang yang perlu dibayar dan terhutang sebanyak EUR789,714 kepada plaintif.

[25] Pada 7 Mei 2019 YA-YA Hakim Mahkamah Rayuan Malaysia telah sebulat suara mengenepikan perintah-perintah tersebut dan membenarkan rayuan perayu (defendan) dan kes dikembalikan ke Mahkamah Tinggi untuk perbicaraan penuh dihadapan hakim yang lain. Surat bertarikh 8 Mei 2019 dan Timbalan Pendaftar Mahkamah Rayuan kepada Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur (eksh PBR6 afidavit sokongan Prakash BK Ragavan adalah dirujuk).

[26] Saya berpandangan bahawa semasa di Mahkamah Rayuan defendan sepatutnya juga menimbulkan isu had masa kausa tindakan jika isu ini sangat penting bagi defendan selain dari mode prosiding.

[27] Saya berpendapat bahawa surat bertarikh 19 Ogos 2011 adalah surat mengakui (*acknowledgement*) tentang keberhutangan defendan kepada plaintif yang akan dibayar pada masa hadapan seperti yang disebutkan dalam surat tersebut:

> *... The total amount will be paid back to Ms Tippold following the sale of either one or both of my properties, latest by a date to be mutually agreed.*

[28] Dari surat tersebut adalah jelas bahawa tarikh pembayaran adalah tarikh akan datang dan kausa tindakan tidak boleh bermula pada tarikh 19 Ogos 2011.

[29] Notis tuntutan oleh peguamcara plaintif telah dikeluarkan melalui surat bertarikh 28 Oktober 2015. Walaupun notis dikeluarkan defendan masih gagal membuat apa-apa bayaran kepada plaintif. defendan juga pada 26 Mac 2018 menghantar beberapa email kepada plaintif (eksh LCM5) yang menunjukkan bahawa defendan secara berterusan mengakui jumlah terhutang.

[30] Saya menerima pakai kes yang dibekalkan oleh peguamcara plaintif dalam kes *Nik Che Kok @ Nik Soo Kok v Public Bank Bhd* [2001] 2 MLJ 328. Mahkamah Rayuan memutuskan seperti berikut:

> The liability of the principal debtor as well as that of the guarantors arose from the first notice of demand dated 2 April1986. There is no general rule that a notice of demand must specifically mention the precise amount owing. A demand is for the purpose of bringing home to the debtor the creditor is demanding its money. For the purpose of limitation, *time began to run from the earliest time at which the creditor could have brought an action.* In the present case the earliest time the respondent could have notice of demand of 2 April 1986.

[31] Saya berpendapat bahawa tarikh 19 Ogos 2011 tidak boleh dijadikan tarikh kausa tindakan disebabkan surat tersebut adalah surat mengakui (letter of acknowlegement) akan keberhutangan defendan dan sejurus selepas surat tersebut terdapat pelbagai email-email diantara plaintif dan defendan. Saya juga mengambilkira bahawa notis tuntutan telah dikeluarkan pada 28 Oktober 2015 dan surat terakhir plaintif menuntut daripada defendan adalah pada 4 November 2015. Jikapun mahkamah mengambil kira tarikh notis tuntutan atau tarikh surat terakhir dari plaintif untuk meminta defendan membuat pembayaran ini masih lagi dalam linkungan kausa tindakan enam tahun.

A ISU RES JUDICATA

[32] Berkaitan dengan isu res judicata yang ditimbulkan oleh defendan. Saya mengambilkira fakta yang di berikan oleh peguamcara plaintif dalam hujahannya semasa perbicaraan rayuan di Mahkamah Rayuan.

B

[33] Tuntutan plaintif adalah secara saman pemula bertarikh 28 April 2017 untuk jumlah yang terhutang dan juga untuk perintah penjualan hartanah tersebut. defendan telah membuat bantahan awal tentang mode prosiding dan fakta berkaitan keberhutangan tidak sepatutnya di buat secara keterangan afidavit semata-mata.

C

[34] Mahkamah Tinggi pada 26 Januari 2019 membenarkan tuntutan plaintif untuk jumlah tuntutan dan mengarahkan defendan untuk membuat bayaran kepada plaintif. Tiada arahan lain oleh Mahkamah Tinggi selain dari perkara tersebut.

D

[35] Defendan telah merayu ke Mahkamah Rayuan diatas keputusan Mahkamah Tinggi tersebut dengan menimbulkan isu berkaitan mode prosiding dan juga perlunya kes ini dibicarakan secara perbicaraan penuh.

E

[36] Pada 7 Mei 2019 Mahkamah Rayuan telah bersetuju dengan defendan dan mengenepikan keputusan Mahkamah Tinggi dan memerintahkan saman pemula ini didengar secara bicara penuh dihadapan hakim yang lain.

F

[37] Tiada arahan oleh Mahkamah Rayuan menghalang plaintif dari membawa tindakan yang sama kecuali kes hendaklah didengar secara bicara penuh. Perintah Mahkamah Rayuan tersebut telah pun disempurnakan (*perfected*). Saya berpendapat bahawa perintah Mahkamah Rayuan tersebut hendaklah dipatuhi dan adalah terikat oleh semua pihak.

G

[38] Dalam kes *Scott & English (M) Sdn Bhd v Yung Chen Wood Industries Sdn Bhd* [2018] 5 MLJ 204 Mahkamah Persekutuan memutuskan seperti berikut:

H

> (1) The High Court was right to refuse the respondent's application to amend the trial court's sealed order. The COA acted out of jurisdiction when it allowed the trial court's order as affirmed by the Federal Court to be re-opened. The trial court's order was no longer an order of a court lower in hierarchy to the court, the trial judge's order demanded the respect and obedience of all parties and even all courts.

I

> (3)The High Court was right to hold that when the trial judge's order was sealed, the Court became functus officio, save and except to correct 'clerical mistake' or errors due to any accidental slip or omission (O 20 r 11 ROC 2012). The draft order, which proposed wholesale changes to the trial judge's order, was clearly not within the ambit of 'clerical mistakes or errors arising therein from any accidental slip or omission.

[39] Defendan adalah dihalang menimbulkan perkara diatas memandangkan Mahkamah Rayuan telah mengenepikan keputusan Mahkamah Tinggi dan mengarahkan kes di dengar secara perbicaraan penuh.

[40] Tindakan defendan untuk merayu untuk kali kedua ke Mahkamah Rayuan adalah secara tidak langsung akan melengahkan perbicaraan penuh dijalankan bagi kes ini.

[41] Saya juga sekali lagi menyatakan bahawa pihak-pihak adalah terikat dengan perintah Mahkamah Rayuan dan berdasarkan alasan-alasan di atas terdapatnya isu *triable* yang memerlukan perbicaraan penuh diadakan bagi kes ini, oleh itu permohonan defendan di lampiran 38 adalah ditolak dengan kos tertakluk kepada fi alokatur.

Permohonan ditolak.

Dilaporkan oleh Nabilah Syahida Abdullah Salleh